

GEJALA SOSIAL DIKALANGAN PELAJAR DAN KEPERLUAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

oleh:
SAPORA SIPON

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim

ABSTRAK

Dewasa ini, pelbagai permasalahan salahlaku dan gejala sosial melanda pelajar-pelajar sekolah. Sewajarnya, permasalahan ini perlu ditangani segera dalam memastikan keberkesanan pendidikan, pembentukan peribadi dan pembinaan nilai-nilai murni pelajar selari dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Negara. Masalah salahlaku dan gejala sosial ini memerlukan perhatian yang serius dan menuntut kepada keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (B&K) yang mantap dan berkesan. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan memfokus kepada keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membicarakan masalah salahlaku dan gejala sosial pelajar sosial. Beberapa cadangan akan diberikan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah gejala sosial dan salah laku pelajar. Peranan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam melahirkan kaunselor terlatih yang dapat menyumbang kepada usaha mengurangkan permasalahan sosial akan turut juga dibincangkan.

PENGENALAN

Dewasa ini masalah gejala sosial di kalangan pelajar sekolah begitu hangat diperkatakan. Selain daripada masalah penyalahgunaan dadah, masalah-masalah sosial yang lain seperti lepak, bohsia, seks di luar perkahwinan dan HIV/AIDS merupakan masalah-masalah yang semakin berleluasa berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Di antara tahun 1990 hingga 1996, sejumlah 4,045 remaja lelaki dan 166 remaja perempuan diantara umur 13 hingga 16 tahun didapati telah melakukan kesalahan juvana. Pelajar sekolah dikatakan bukan sahaja berani melanggar peraturan sekolah malah ada di antara mereka yang terbabit dengan kegiatan jenayah seperti menagih dadah, mencuri, peras ugut dan menjadi anggota kongsi gelap. Akhbar-akhbar di Malaysia kerap menyiarkan rencana mengenai hal ini. Contohnya, akhbar Harian Ekspres, 27hb Mei 2000 menjelaskan seramai 43 penuntut sekolah terlibat dalam pelbagai jenayah termasuk mencuri dan mengakibatkan kecederaan sepanjang lima tahun di sebuah daerah di negeri Sabah. Akhbar Utusan Malaysia, 22hb. November 2003 menyiarkan berita pergaduhan antara dua kumpulan pelajar sekolah yang melibatkan pergaduhan dan peras ugut. Keadaan ini dilihat sebagai membimbangkan memandangkan jumlah pelajar sekolah yang terlibat semakin meningkat sepanjang tempoh tersebut. Antara masalah-masalah gejala sosial yang kerap dihadapi di sekolah ialah merokok, merosakkan harta benda sekolah, mencuri, bergaduh, peras ugut, ponteng sekolah, menganggu pembelajaran dalam kelas, tidak mematuhi arahan guru dan sebagainya.

Masalah gejala sosial di kalangan pelajar-pelajar adalah merupakan perkara yang perlu difikirkan

secara serius dan terperinci memandangkan mereka merupakan bakal pemimpin negara. Negara memerlukan bakal pemimpin yang mempunyai keperibadian yang mulia untuk merealisasikan Wawasan 2020. Disiplin diri di kalangan pelajar adalah juga bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal, progresif dan bertatasusila (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajar, 1984). Suradi Salim (1993) menjelaskan masalah keruntuhan moral di kalangan pelajar memerlukan perhatian yang serius dan satu perancangan yang teliti haruslah dilakukan oleh pihak sekolah dalam menangani masalah ini. Tidak dapat dinafikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui kaunselor sekolah dikatakan dapat membantu mengurangkan masalah keruntuhan moral dan disiplin di kalangan pelajar. Kaunselor sekolah dapat memainkan peranan penting dalam menangani masalah gejala sosial atau keruntuhan moral pelajar. Kaunselor boleh melakukan tugas ini sama ada secara terus dengan pelajar yang bermasalah melalui penyelidikan, perbincangan atau melalui penganjuran program-program bersama-sama dengan mereka yang berkait rapat dengan golongan pelajar-pelajar umpamanya ibu bapa, guru dan pihak pentadbir. (Sapora Sipon, 2000).

Untuk mengatasi atau mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan jawatan kaunselor sepenuh masa.

PERLANTIKAN KAUNSELOR SEKOLAH SEPENUH MASA

Perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa pada tahun 1996 adalah satu usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan pelajar yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berketrampilan. Perlantikan ini adalah juga untuk memenuhi keperluan pihak sekolah dan pelajar supaya perkhidmatan dan kemahiran kaunselor dapat dimenafaatkan secara optimum untuk perkembangan dan pembangunan pelajar.

KEPERLUAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH/KAUNSELOR SEKOLAH.

Kaunselor sekolah mempunyai peranan penting dalam agenda pendidikan negara. Banyaknya permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar jelas menunjukkan keperluan perkhidmatan kaunselor sekolah. Kaunselor sekolah dikatakan dapat membantu menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar melalui berbagai cara seperti berikut iaitu membantu perubahan tingkah laku pelajar, membantu pelajar membuat keputusan, mempercepatkan seseorang menjadi rasional, membantu pelajar berkembang dari pelbagai bidang, membantu pelajar membuat penyesuaian yang paling baik di sekolah dan di luar sekolah, membantu pelajar untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan mereka, membantu pelajar memahami diri mereka, mengenalpasti pelajar yang memerlukan pertolongan khas, mengenalpasti masalah kemerosotan disiplin, pencegahan dadah di sekolah, menyebarkan maklumat yang terkini dan perkhidmatan inventori individu.

KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN GEJALA SOSIAL PELAJAR

Banyak kajian telah dilakukan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di negara kita ini. Diantara keputusan kajiannya, terdapat pelajar-pelajar yang menghadapi masalah penyesuaian, penyalahgunaan najis dadah, ponteng sekolah@ kelas, penyesuaian dengan sekolah, kesihatan, kewangan, jantina dan sebagainya. (Halimi Manaf, 1982, Hassan Langgulung, 1975, Asmah Bee, 1979, Chiam Heng Keng, Shafiee Hashim 1978 dalam Sallehudin Wahab).

KAJIAN KEPERLUAN PERKHIDMATAN B&K DI SEKOLAH

Kajian mengenai sikap pelajar terhadap peranan kaunsel dan perkhidmatan B&K di negara ini banyak telah dilakukan. Diantara kajian yang telah dilakukan ialah kajian-kajian oleh Ng Lay Hoon (1979), Ang Huat Bing (1985) dan Zulkifley Hamid (1986). Kajian Ang Huat Bin (1985) ke atas 144 orang pelajar tingkatan 4, 5 dan 6 Atas dan 10 orang guru terhadap fungsi perkhidmatan B&K mendapati 65% klien menganggap peranan B&K amat penting, 25% tidak pasti manakala 10% tidak bersetuju dengan kewujudan perkhidmatan ini. Sementara itu kajian Nordin Mohd Nor (1986) ke atas tanggapan 140 orang pelajar terhadap peranan utama kaunseling dalam menghadapi disiplin sekolah ditujuh buah sekolah di Bandar Seremban mendapati majoriti klien (95.72%) bersikap positif terhadap peranan kaunseling dalam mendisiplinkan diri mereka. Kajian ini selari dengan kajian Sahak Dawi (1986) ke atas persepsi 81 orang pelajar tingkatan 4 (46 orang pelajar lelaki dan 35 orang pelajar perempuan) dan 7 orang guru terhadap peranan B&K mendapati majoriti klien (pelajar dan guru) mempunyai persepsi positif terhadap peranan perkhidmatan ini. Hanya 22% klien tidak pasti dan 10% lagi klien tidak bersetuju akan kewujudan perkhidmatan ini.

Bagaimanapun, terdapat juga kajian yang menunjukkan pelajar-pelajar bersikap negatif terhadap perkhidmatan ini. Misalnya kajian-kajian Awang Mat Ali (1979), Arapan Kolenthei (1983), Juhan Jusuh (1986), Halimi Manaf (1982), Tan Bee Chu (1984).

Walaupun sebahagian besar kajian yang dilakukan menunjukkan klien bersikap positif terhadap kaunselor dan peranan B&K tetapi sejauhmanakah mereka menggunakan perkhidmatan ini. Kajian Lim Hoang Hoang (1981) mendapati 63.3% klien rela bekerjasama dengan kaunselor jika dirujuk oleh guru atau pihak pentadbir. Dengan lain perkataan mereka enggan menerima kaunseling secara sukarela. Walaupun mereka menyokong perkhidmatan ini (78.6%), tetapi mereka enggan menemui kaunselor. 59.1% akan menemui keluarga, 20.1% menemui rakan rapat dan hanya 3.3% sahaja klien menemui kaunselor apabila mempunyai masalah. Kajian ini selari dengan kajian Zubaidah Abdul Karim (1986) ke atas 100 orang pelajar tingkatan 4 mendapati klien mengetahui wujudnya perkhidmatan B&K di sekolah mereka tetapi hanya 22% sahaja klien yang pernah menemui kaunselor.

Pada umumnya, klien yang menemui kaunselor hanya untuk membincangkan masalah akademik dan vokasional sahaja. (Johnson, 1977, Nooriah Ibrahim, 1983, Ting See How, 1986). Klien lebih cenderung memilih orang lain sebagai sumber rujukan daripada menemui kaunselor apabila mengalami masalah. Mereka lebih suka menemui rakan rapat, ibu bapa, keluarga terdekat dan kawan sekolah (Mezziano, 1971, Synder, Ting See How, 1986, Noraini Hussain, 1985). Kajian Tan Bee Chu (1984) mendapati 10 punca utama klien enggan menemui kaunselor mengikut peningkatan ialah;

1. tidak ada keperluan untuk menerima bantuan dan boleh berdikari
2. sudah biasa dengan cara membangkang
3. lebih suka mengekalkan situasi lama supaya boleh terus menerima simpati dan dikecualikan dari diberi tanggungjawab.
4. keadaan fizikal bilik kaunseling tidak selesa untuk berkomunikasi secara sulit
5. kaunselor mewakili pihak pentadbir

6. sukar untuk mengatasi masalah kerana malu, kelemahan bahasa dan takut terhadap kaunselor
7. persepsi pelajar terhadap kaunselor negatif
8. penerimaan bantuan kaunselor bermaksud mengaku diri lemah
9. penghargaan sendiri yang rendah menyebabkan sifat negatif terhadap segala bantuan.
10. pelajar-pelajar kurang pengetahuan mengenai perkhidmatan B&K yang wujud di sekolah.

Diantara ciri-ciri kaunselor yang ingin ditemui oleh klien ialah sifat mesra, sabar, berpengalaman, memahami, jujur, ikhlas, terlatih, rajin, kemas, baik hati, bertimbang rasa, sebangsa, seagama dan sejantina dengan mereka. (Ng Lau Hoon, 1979, Nooriah Ibrahim, 1983, Azhari Tauhid, 1985, Kamarudin Hashim, 1986 dalam Sallehudin Wahab, 1999).

LATIHAN PENDIDIKAN KAUNSELOR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI).

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memainkan peranan penting dalam melatih kaunselor terlatih yang berperanan penting dalam menangani gejala sosial. Dalam usaha melahirkan kaunselor terlatih, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Program Bimbingan dan Kaunseling (B&K), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia telah, sedang dan akan merancang rapi bentuk latihan pendidikan kaunselor yang benar-benar mantap dan bermutu tinggi. Ini selari dengan usaha UPSI mencapai visinya iaitu menjadi universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan, kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global. Seterusnya, Program B&K di UPSI bukan sahaja menawarkan program pendidikan kaunselor yang bermutu tinggi, tetapi yang utama ialah ia mengendalikan sebuah proses pendidikan ke arah pembinaan dan pengukuhan sebuah peradaban. Bersesuaian dengan kedudukan UPSI sebagai sebuah lanjutan kepada kesinambungan sebuah tradisi pendidikan perguruan yang berusia lapan dekad dengan kebitaraan dan kecemerlangannya yang tersendiri, Program B&K perlu mantap dalam menawarkan latihan pendidikan kaunselor sekolah serta memastikan perancangan yang rapi dari sudut kurikulum pengajaran, pemilihan calon, taraf kelayakan pensyarah, syarat minimum kelayakan, kemudahan latihan, tempoh masa latihan dan juga ijazah yang ditawarkan.

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim adalah warisan kepada Sultan Idris Training College (SITC) yang ditubuhkan pada tahun 1922. Seterusnya pada tahun 1987 dinaikkan taraf kepada Institut Penguruan Sultan Idris (IPSI). Hanya pada tahun 1993, barulah institut ini diwartakan sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan mempunyai empat fakulti yang menawarkan 10 program. Fakulti-fakultinya ialah Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Kesenian dan Fakulti Sains dan Teknologi. Program-programnya pula ialah Bahasa Melayu, bahasa Inggeris (TESL), Kesusasteraan Melayu, Seni, Muzik, Sains Sukan, Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Kaunseling.

Latihan pendidikan kaunselor di UPSI ditawarkan melalui program Bimbingan dan Kaunseling (B&K), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia melalui penawaran kursus-kursus yang memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar mengenai profesion kaunseling yang merangkumi teori, teknik dan proses kaunseling di semua peringkat umur yang menghadapi cabaran peribadi, sosial dan kerjaya. Aspek-aspek utama program ini meliputi falsafah bimbingan dan kaunseling, konflik dan penyelesaian konflik yang berpunca daripada ketegangan

diri dan masalah sosio-ekonomi dan budaya, etika dalam profesion menolong, teknik kaunseling dan psikoterapi, kaunseling individu dan kelompok. Program ini juga menyentuh mengenai kaunseling dan terapi keluarga, kaunseling industri dan pendidikan kemahiran keibubapaan bagi membantu menangani cabaran individu, kumpulan, keluarga dan masyarakat membangun yang berhadapan dengan kepelbagaian masalah dan gejala sosial.

PERANAN KAUNSELOR SEKOLAH MENANGANI GEJALA SOSIAL PELAJAR.

Kaunselor sekolah dapat memainkan peranan penting dalam menangani masalah gejala sosial pelajar. Kajian Canter & Canter (1991) mendapati antara masalah gejala sosial yang sering dirujuk kepada kaunselor adalah seperti tidak menghormati guru, pergaduhan, ponteng sekolah atau kelas, merosakkan harta benda, menyertai kumpulan-kumpulan haram. Knoff (1985) yang menjelaskan kaunselor sekolah perlu melahirkan pelajar yang lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan juga dapat mengawal tingkah laku dirinya sendiri. Berbagai kaedah boleh dilaksanakan dalam usaha menangani masalah keruntuhan moral pelajar. Sapora Sipon (2000) menjelaskan kaunselor boleh melakukan tugas ini sama ada secara terus dengan pelajar yang bermasalah melalui perbincangan atau melalui penganjuran program-program bersama-sama dengan mereka yang berkait rapat dengan golongan pelajar umpamanya ibu bapa, guru dan pihak pentadbir. Brake & Gelles (1994) berpendapat penglibatan kaunselor sekolah dalam mencegah masalah salah laku pelajar boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu pencegahan dan bantuan.

Aspek pencegahan meliputi usaha-usaha yang boleh dijalankan oleh kaunselor sekolah seperti mengadakan peraturan-peraturan sekolah dan menekankan kepentingannya, memberi harapan kepada keluarga dan masyarakat terhadap pelajar, menanam cita-cita dan daya usaha ke atas pelajar, mengadakan ceramah-ceramah kerjaya dan memberi pengertian akan falsafah hidup. Para pelajar akan dapat mengenalpasti kepentingan ilmu pengetahuan dan dapat menanam nilai-nilai positif yang bersesuaian dengan norma-norma masyarakat melalui penganjuran aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling yang terancang. (Sapora Sipon, 2000)

Dari aspek bantuan pula, seorang kaunselor sekolah dapat membantu mengurangkan masalah salah laku pelajar kerana kaunselor sekolah memiliki teknik-teknik kemahiran yang bersesuaian dengan pernyataan sesuatu masalah. Kajian oleh Canter & Canter (1991) menitikberatkan penglibatan kaunselor dalam aspek bantuan. Menurut beliau, sesetengah pelajar tidak boleh didenda. Sebaliknya pelajar ini bersedia berubah apabila kaunselor menjalankan proses rundingan mengenai masalah yang mereka hadapi. Kaedah ini dilihat sebagai lebih sesuai kerana kaunselor dilihat sebagai orang yang lebih rapat dengan pelajar tersebut sebagai *student advocate*.

CARA MENGATASI GEJALA SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR

Cara yang berkesan dan boleh diamalkan dalam usaha mendisiplinkan pelajar-pelajar ialah melalui pembinaan nilai-nilai, tingkahlaku dan tatasusila yang timbul atas kesedaran pelajar-pelajar itu sendiri. Pembinaan nilai serta tingkah laku yang baik hendaklah diserapkan secara beransur-ansur bukannya secara paksaan. Ini boleh membawa kepada keupayaan pelajar-pelajar mendisiplinkan diri mereka tanpa tekanan dari mana-mana pihak.

Dari proses pembelajaran di bilik darjah, suasana yang harmonis perlu diwujudkan dalam usaha memberangsangkan minat pelajar. Guru perlu bersifat positif dan berdedikasi dalam menyampaikan pengajaran. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan kes pelanggaran disiplin di sekolah tetapi dapat mempertingkatkan taraf pencapaian akademik pelajar. Suasana yang sihat

dalam proses pembelajaran merupakan asas penting dalam melahirkan pelajar yang bermoral tinggi serta berilmu.

Peranan ibu bapa juga penting dalam pembinaan disiplin di kalangan pelajar. Ibu bapa hendaklah menanam sifat hormat menghormati sesama ahli keluarganya dan mengelakkan pertelingkahan. Yang penting, ibu bapa harus bersedia mengikut perkembangan dan pergerakan anak-anak bagi mengelak mereka daripada terheret ke dalam penyakit sosial. Ibu bapa hendaklah berinteraksi dan bukannya setakat menasihati anak mereka tetapi juga memberi dorongan pada setiap peluang untuk bersifat positif. Di sini, ibu bapa wajar memberi didikan agama, moral dan menunjukkan contoh teladan kepada anak-anak supaya mempunyai kesedaran bahawa dalam keseluruhan hidup disiplin adalah penting. Faridah Embong (1989) berpendapat cara ibu bapa yang berbentuk demokratik adalah amat sesuai untuk perkembangan remaja. Cara didikan demokratik adalah berdasarkan konsep saling hormat-menghormati, memberi penjelasan kepada peraturan serta memberi peluang melibatkan diri dalam membuat keputusan dan memberi pertolongan apabila diperlukan.

Di sekolah, guru turut memainkan peranan dalam pembinaan serta peningkatan disiplin di kalangan pelajar. Peranan guru bukan setakat mengajar tetapi turut mendidik iaitu membentuk sikap, nilai-nilai dan akhlak melalui disiplin yang baik. Guru-guru harus mewujudkan hubungan yang mesra dan baik dengan pelajar-pelajar. Kemahiran pengajaran di bilik darjah juga harus dipertingkatkan agar pengajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.

Masyarakat umum juga harus memainkan peranan dalam mewujudkan suasana yang harmonis serta contoh teladan yang baik. Perhatian yang sewajarnya harus diberikan kepada para pelajar dalam usaha membentasi gejala-gejala negatif terhadap diri para pelajar.

CADANGAN MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN & KAUNSELING

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memang berkemampuan menangani gejala sosial yang berleluasa berlaku. Bagaimanapun, masih lagi terdapat kelemahan dalam perkhidmatan B&K yang boleh dipertingkatkan. Berikut ialah beberapa cadangan dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan B&K yang secara langsung dan tidak langsung dapat menyumbang kepada usaha untuk menangani isu gejala sosial di kalangan pelajar.

- Bangunan sekolah baru yang dibina oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengambilkira supaya menyediakan perkhidmatan B&K. Pusat perkhidmatan B&K perlu mempunyai bilik/tempat kaunseling individu dan juga kelompok yang muatannya 10-12 orang pelajar.
- Pusat perkhidmatan B&K perlu mempunyai kemudahan asas yang sesuai seperti kerusi, meja, rak buku dan kabinet simpan fail. Pengetua sekolah perlu menggunakan budi bicaranya untuk menyediakan kelengkapan. Pusat perkhidmatan B&K sekolah, sekurang-kurangnya keperluan yang paling asas.
- Pengetua sekolah patut berusaha agar pusat /bilik B&K sekolahnya tetap suara.
- Dicapangkan jawatan kaunselor di sekolah menengah merupakan satu jawatan kenaikan pangkat sekurang-kurangnya tingkatan kanan. Ini disebabkan terdapat kaunselor apabila naik pangkat meninggalkan jawatan tersebut. Ini akan merugikan pelajar KPM.

- Kaunselor perlu menunjukkan bukti yang perkhidmatan B&K sekolah mereka dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan kepada pelajar dan sekolah.
- Keperluan berdaftar adalah penting. Bagi tujuan ini, kaunselor mengikuti program eksekutif tertentu yang boleh dijalankan di institusi tertentu yang diiktiraf oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA).
- Kaunselor mengadakan hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa atau penjaga pelajar dengan tujuan untuk bekerjasama dan berbincang mengenai perkembangan dan kemajuan para pelajar.
- Menerangkan program bimbingan sekolah kepada ibu bapa dan penjaga serta membiasakan mereka dengan khidmat bimbingan sekolah.
- Melibatkan ibu bapa dan penjaga dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kakitangan program bimbingan di sekolah.
- Bekerjasama dengan semua ahli kakitangan akademik sekolah dengan menyediakan maklumat tertentu untuk penerangan dan rujukan seperti mengadakan perbincangan yang boleh membantu guru-guru supaya lebih memahami lagi sikap dan sifat-sifat individu para pelajar.
- Bekerjasama dengan pihak pentadbir dan guru untuk mendapatkan cara-cara yang baik supaya para pelajar diberi perhatian dalam pembelajaran.
- Menggunakan kaedah-kaedah teknologi moden untuk menyebarkan maklumat-maklumat pelajaran dan kerjaya.
- Membantu para pelajar merancang program latihan pelajar dan kerjaya selaras dengan kehendak sekolah.
- Sentiasa berusaha menambah kecekapannya dan sentiasa menyedari pembaharuan yang berlaku sama ada di dalam atau di luar sekolah.
- Sentiasa berusaha memajukan profesion kaunseling dengan membuat atau membantu penyelidikan yang berkaitan dan mengambil bahagian dalam aktiviti anjuran-anjuran Persatuan Kaunseling, sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan.
- Berbincang dengan rakan-rakan sekerja yang lain seperti pengetua, penolong kanan dan guru-guru mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuh dan meningkatkan lagi taraf dan syarat profesion kaunseling.
- Berusaha meninggikan imej kaunselor dan pakar-pakar rujuk yang lain apabila berhubung dengan para pelajar, ibu bapa dan masyarakat.
- Memberi perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok sekerap yang mungkin.
- Menyediakan kotak-kotak cadangan dan kotak borang perkhidmatan kaunseling di luar bilik unit bimbingan dan kaunseling.

KESIMPULAN

Masalah gejala sosial di kalangan pelajar sekolah semakin berleluasa. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan dan setiap pihak yang terlibat perlu bekerjasama dan bersatu hati memikirkan perancangan yang teliti supaya masalah ini tidak akan menjejaskan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi dan rohani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Pihak guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, kaunselor, persatuan Ibu Bapa dan Guru, Kementerian Pendidikan, masyarakat umum dan semua pihak yang mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan masalah disiplin pelajar harus berganding dalam mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah disiplin pelajar.

RUJUKAN.

- Ang Huat Bin. 1985. *Tanggapan guru dan murid kepada fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sebuah sekolah menengah*. Projek ijazah Bacelor pendidikan (tidak diterbitkan). Jabatan Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UPM; Serdang.
- Arapan Kolenthei. 1983. *Sikap pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah*. Projek Diploma Kaunseling. Jabatan Psikologi UKM, Bangi.
- Awang Mat Ali. 1979. *Sikap mahasiswa-mahasiswa UKM terhadap peranan Pusat Runding Cara Pelajar: Satu kajian kes*. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Antropologi dan Sosiologi (Bahagian Psikologi). UKM. Bangi.
- Berita Harian, 10 Julai 1997
- Brake, K.J. & Gelles, E.R. (1994). Discover. A programme for fourth grades identified as discipline problems: *Elementary school guidance*. 48-54.
- Canter, L. & Canter, K. (1991). Assertive Discipline. A take-charge approach. Today's educator. Canter and Associates.
- Faridah Embong. 1989. *Pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya terhadap pelanggaran disiplin pelajar*. Kajian kes di antara asrama penuh dengan sekolah biasa. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halimi Manaf. 1982. *Masalah-masalah pelajar dan kepentingan Pusat Perkhidmatan Pelajar*. Satu kajian kes. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi. UKM, Bangi.
- Juhan Jusuh. 1986. *Kajian sikap murid-murid sekolah menengah terhadap peranan kaunselor*. Satu kajian kes di dua buah sekolah di negeri Perlis. Projek ijazah Bacelor Pendidikan (tidak diterbitkan). Jabatan Pendidikan, UPM.
- Johnson, H.N. 1977. A survey of students' attitude towards counseling at predominately black university. *Journal of Counselling Psychology* 24(2), 162-164.
- Knoff, H.M. 1985. Discipline in the school. An inservice and consultation program for educational staff. *The school counselor* (28), 211-217.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajar. 1984. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lim Hoang Hoang. 1981. *Kesanggupan murid-murid untuk menerima kaunseling secara individu: satu kajian kes di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang*. Projek Diploma kaunseling (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi, UKM, Bangi.

- Mezzano, J. 1971. Concerns of students and preferences for male and female counselors. *The Vocational Guidance Quarterly*, 20, 42-47.
- Ng Lay Hoon. 1979. *Ciri-ciri perundingcara yang dianggap penting oleh klien dan bakal klien. Satu kajian kes di UKM*. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Antropologi dan Sosiologi: UKM, Bangi.
- Nordin Mohd Nor. 1986. *Tanggapan pelajar terhadap peranan utama kaunseling dalam menghadapi disiplin di sekolah menengah atas Bandar Seremban*. Jabatan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UPM: Serdang.
- Noriah Ibrahim. 1983. *Persepsi pelajar-pelajar terhadap kaunselor dan kesannya ke atas minat mereka untuk menemui kaunselor*. Projek Diploma kaunseling (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi. UKM, Bangi.
- Noraini Hussain. 1985. *Kesanggupan pelajar-pelajar sekolah rendah untuk menerima kaunseling*. Satu kajian kes. Projek ijazah Bachelor Pendidikan (tidak diterbitkan). Jabatan Pendidikan. Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM: Bnagi.
- Sapora Sipon. 2000. *Peranan kaunselor sekolah dan masalah keruntuhan moral pelajar*. Pemimpin berciri kaunselor menangani kegawatan sosial. Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.
- Sallehuddin Hj. Abdul Wahab. 1991. *Sikap pelajar sekolah menengah terhadap kaunselor*. Peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta kesediaan mereka untuk menemui kaunselor. Thesis Sarjana (tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan. UKM: Bangi.
- Sahak @ Ishak Dawi. 1986. *Persepsi guru-guru dan pelajar terhadap fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah*. Satu kajian. Projek ijazah Bachelor Pendidikan (tidak diterbitkan). Jabatan Pendidikan. Fakulti Pengajian Pendidikan. UKM: Serdang.
- Synder, J.F, Hill, C.E. & Derksen, T.P. 1972. Why some students do not use university counseling facilities. *Journal of Counseling Psychology*. 19, 263-268.
- Suradi Salim (1992). The need for a more effective guidance programme for Malaysia Youth. Simhadri, Y.C (ed). *Peace Global Youth and Development: The role of Science and technology in Modern Society*. Ajanta Books International; India (521-210).
- Suradi Salim. (1993). *Perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah di Malaysia*. Siri monograf. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya. Bil 1: Kuala Lumpur.
- Surat Pekeliling KP(BS)8591/Jld.Viii/(56).Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tan Bee Chu. 1984. *Keengganan pelajar-pelajar sekolah menengah menerima kaunseling*. Projek Diploma Kaunseling (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi, UKM: Bangi.
- Ting See How. 1986. *Pilihan untuk mendapat pertolongan dikalangan pelajar universiti*. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi. UKM: Bangi.
- Utusan Malaysia, 30 Mac 2000
- Utusan Malaysia, 30 Mac 2000
- Utusan Malaysia, 22 November 2002.
- Zulkifley Hamid. 1986. Persepsi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Satu kajian perbandingan di antara sekolah-sekolah tidak berasrama penuh dengan berasrama penuh. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Psikologi, UKM:Bangi.